

19 OCT 2001

REAKSI-SKALI.COM

SKALI.COM MAHU INSENTIF BINA LAMAN WEB DIPERLUAS

KUALA LUMPUR, 19 Okt (Bernama) -- Syarikat penyedia perkhidmatan dan prasarana e-niaga, Skali.com, mahu potongan tahunan 20 peratus ke atas kos pembangunan laman web diperluaskan lagi daripada hanya penempatan laman web.

Insentif yang diberikan seharusnya meliputi bidang latihan, perundingan, perkhidmatan pihak luar dan perkhidmatan-perkhidmatan e-niaga yang lain, kata presiden Skali.com, Tengku Farith Rithauddeen.

Mengulas tentang Belanjawan 2002 yang dibentangkan di Dewan Rakyat di sini hari ini oleh Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, Farith juga berkata insentif khas harus diberikan kepada pengguna yang benar-benar menggunakan teknologi yang dimajukan di dalam negara, atau perkhidmatan yang diberikan oleh industri maklumat, komunikasi dan teknologi (ICT) tempatan.

Ini akan menggalakkan lagi industri ICT tempatan, tambahnya.

Tentang pinjaman RM1.9 bilion yang diberikan oleh kerajaan Jepun untuk membiayai "debt ventures", beliau berharap dana itu di peruntukkan kepada syarikat-syarikat yang baru bermula. -- BERNAMA

MFZ KTC JR